

21 JUN 1999
Shahnon-Kontrak
SHAHNON TAMAT KONTRAK JULAI

PULAU PINANG, 21 Jun (Bernama) -- Sasterawan Negara Datuk Prof Shahnon Ahmad yang mencetuskan kontroversi kerana buku terbarunya yang mengandungi banyak perkataan lucu dan mencarut, berkata hari ini peletakan jawatannya sebagai pensyarah di Universiti Sains Malaysia (USM) akan berkuatkuasa Julai ini.

Katanya, beliau sekarang dalam cuti untuk menamatkan kontraknya.

Menurut Shahnon beliau telah bercadang untuk berhenti dari mengajar sejak tahun lepas lagi.

"Saya telah lama berhajat untuk bersara dari mengajar kerana telah letih, saya mula mengajar di USM sejak tahun 1973 dan telah pencen 11 tahun lepas," kata beliau lagi.

Semalam, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Shahnon yang dikecam hebat oleh pelbagai pihak kerana bukunya yang berjudul "Shit" telah menyerahkan surat peletakan jawatan sebagai pensyarah kontrak di USM pada Mei lepas dan kementerianya menerima peletakan jawatan itu.

Jawatan terakhir Shahnon di USM ialah sebagai Profesor Emeritus dan Pengarah Pusat Islam sebelum menyambung kontrak perkhidmatannya sebagai tenaga pengajar kesusasteraan, Jabatan Ilmu Kemanusiaan di universiti itu.

Shahnon sekali lagi mempertahankan buku satira politik yang kontroversial itu dengan berkata beliau cuma "berniat baik" dan membuat teguran politik sahaja kerana tidak bersetuju dengan kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika merasmikan perhimpunan agung UMNO Jumaat lepas, Dr Mahathir yang juga presiden parti meluahkan rasa kesal dan tersinggung dengan tulisan Shahnon yang memaki hamun beliau dan ibunya.

Beberapa perwakilan yang membahaskan usul di perhimpunan tiga hari itu juga mengutuk Shahnon dan memintanya memohon maaf kepada Dr Mahathir serta ibunya kerana menggunakan bahasa lucu dan mencarut terhadap pemimpin negara dalam novel 'Shit' itu.

Shahnon berkata, sebaliknya, secara peribadi, beliau sayang dan menghormati Dr Mahathir serta tidak pernah terniat untuk memaki sesiapa pun dalam novel itu.

"Secara peribadi, saya sayangkan Dr Mahathir dan negara dan disebabkan itulah saya membuat teguran secara kasar kerana jika harapkan orang UMNO, tiada sesiapa yang berani menegur beliau," katanya.

Sehubungan itu, katanya, tidak ada sebab untuknya memohon maaf kepada Dr Mahathir kerana beliau tidak melakukan sebarang kesalahan terhadap Perdana Menteri itu dan ibunya.

BERNAMA
AA zb